Pendakwa Raya lwn Zakaria bin Mansor

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO 42–19 TAHUN 1994
LOW HOP BING H
29 OGOS 1996

Undang-Undang Jenayah *— Akta Pencegahan Rasuah (Malaysia) — ss 3(a)(ii) & 4(a) — Sama ada kesemua intipati telah dibuktikan — Sama ada ia mencapai tahap keraguan munasabah*

Undang-Undang Jenayah *— Akta Pencegahan Rasuah (Malaysia) — s 14 — Anggapan undang-undang — Menerima suapan menyalahi undang-undang — Sama ada penemuan wang perangkap dalam bilik tertuduh mewujudkan suatu anggapan rasuah*

Keterangan *— Anggapan — Suapan diterima atau diberi secara rasuah — Sama ada penemuan wang perangkap dalam bilik tertuduh mewujudkan suatu anggapan rasuah — Akta Pencegahan Rasuah 1961 s 14*

Keterangan *— Anggapan — Sama ada kegagalan pendakwaan memanggil seorang saksi menimbulkan anggapan terhadap pendakwaan — Sama ada anggapan timbul sekiranya saksi telah ditawarkan kepada pembelaan — Akta Keterangan 1950 s 114(g)*

Keterangan *— Sokongan — Keterangan pesubahat — Sama ada pengadu seorang pesubahat — Sama ada pengadu seorang 'ejen' pendakwa — Sama ada perlukan keterangan sokongan — Sama ada terdapat keterangan sokongan yang mencukupi*

Pendakwa Raya merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen melepaskan dan membebaskan tertuduh tanpa memanggilnya membela diri atas tuduhan-tuduhan di bawah s 3(a)(ii) dan s 4(a) Akta Pencegahan Rasuah 1961 ('Akta tersebut'). Tuduhan di bawah s 3(a)(ii) Akta tersebut ('tuduhan pertama') adalah bahawa tertuduh telah memujukrayu untuk dirinya sendiri satu suapan daripada seorang pemandu lori ('SP2') sebagai dorongan bagi tertuduh untuk tidak mengambil tindakan mahkamah ke atas anaknya yang disyaki terlibat dalam kes-kes jenayah. Tuduhan di bawah s 4(a) Akta tersebut ('tuduhan kedua') adalah bahawa tertuduh secara rasuah menerima untuk dirinya sendiri daripada SP2 suatu suapan dalam bentuk wang tunai sebagai dorongan untuk tujuan tersebut.

Hakim mahkamah sesyen memutuskan bahawa: (i) pihak pendakwa gagal membuktikan kesnya tanpa keraguan munasabah; (ii) keterangan SP2 memerlukan sokongan walaupun terdahulunya hakim telah memutuskan bahawa SP2 bukanlah 'pesubahat'; (iii) kegagalan pihak pendakwa memanggil seorang saksi, Petchimuthu, menyebabkan s 114(a) Akta Keterangan 1950 terpakai; dan (iv) beberapa saksi mempunyai motif untuk memerangkap tertuduh.

Diputuskan, mengetepikan perintah pelepasan dan pembebasan dan mengarahkan hakim mahkamah sesyen memanggil pembelaan tertuduh ke atas kedua-dua tuduhan:

(1) Berkenaan dengan tuduhan pertama, fakta-fakta dengan jelas menunjukkan bahawa tertuduh telah memujukrayu suatu suapan daripada SP2 dan keterangan ini telah disokong oleh saksi-saksi lain. Fakta juga menimbulkan anggapan bahawa suapan yang dipujukrayu telah dipujukrayu secara rasuah dan ini adalah sebagai dorongan untuk tertuduh tidak mengambil tindakan mahkamah terhadap anak SP2 (lihat ms 511H dan 512A–G).

(2) Berkenaan dengan tuduhan kedua, penemuan wang perangkap dalam pejabat tertuduh yang berada dalam kawalan dan kelolaannya sendiri membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan atau kesedaran tentang wang tersebut. Ini membuktikan bahawa suatu suapan telah dibayar atau diberi kepada atau diterima oleh tertuduh. Anggapan di bawah s 14 Akta tersebut ditimbulkan (lihat ms 513D–G); *Ramly bin Md Yasin & Ors v PP* [1982] CLJ 200; *Attan bin Abdul Gani v PP* [1970] 2 MLJ 143 dan *Sidik bin Mat Tan & Satu lagi lwn Pendakwa Raya* [1994] 4 CLJ 507 diikut.

(3) Oleh kerana SP2 telah pergi berjumpa dengan pegawai Badan Pencegah Rasuah sebelum tertuduh meminta wang rasuah darinya, keterangannya tidak memerlukan sokongan. Ini adalah kerana SP2 tidak boleh dianggap sebagai pesubahat. Beliau lebih merupakan 'ejen' bagi pihak pendakwa. Walau bagaimanapun, terdapat keterangan sokongan yang jelas ke atas keterangan SP2. Dalam konteks ini, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah tersilap mengenai undang-undang. Justeru itu, perintah pelepasan dan pembebasan tidak boleh disokong (lihat ms 513H–I dan 514A–E); *Sathasivam & Ors v PP* [1949] MLJ 71 diikut.

(4) Anggapan terhadap pendakwaan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh timbul atau dipakai oleh kerana saksi berkenaan, Petchimuthu, telah ditawarkan kepada pembelaan pada penutup kes pendakwaan (lihat ms 514G–H); *Samsudin v PP* [1962] MLJ 405 dan *PP v Chee Kon Fatt* [1991] 3 CLJ 2564 diikut.

(5) Kesemua intipati yang perlu untuk kedua-dua tuduhan telah dibuktikan dengan tahap melampaui keraguan munasabah. Justeru itu, satu kes telah dikemukakan oleh pendakwa berdasarkan s 180 Kanun Acara Jenayah (NMB Bab 6) dan pembelaan perlu dipanggil atas kedua-dua tuduhan (lihat ms 515E–G).

[English summary

The Public Prosecutor appealed against the decision of the sessions court judge to acquit and discharge the accused without calling for his defence on charges under s 3(a)(ii) and s 4(a) of the Prevention of Corruption Act 1961 ('the Act'). The charge under s 3(a)(ii) of the Act ('the first charge') was that the accused had solicited gratification for himself from a lorry driver ('SP2') as an inducement to the accused not to take any court action on his son who was

A suspected of being involved in criminal cases. The charge under s 4(a) of the Act ('the second charge') was that the accused had corruptly accepted for himself gratification in the form of cash from SP2 as inducement for that purpose.

The sessions court judge held that: (i) the prosecutor had failed B to prove his case without reasonable doubt; (ii) the evidence of SP2 required corroboration even though the judge had earlier held that SP2 was not an 'accomplice'; (iii) the failure of the prosecutor to call a witness, one Petchimuthu, rendered s 114(a) of the Evidence Act 1950 applicable; and (iv) several witnesses had motives to entrap the accused.

C

Held, setting aside the order of acquittal and discharge and directing the sessions court judge to call for the defence of the accused on both charges:

(1) In relation to the first charge, the facts clearly showed that the D accused had solicited gratification from SP2 and this evidence was corroborated by the other witnesses. The facts also raised the presumption that the solicited gratification had been solicited corruptly and this was as inducement to the accused not to initiate court action against SP2's son (see pp 511H and 512A–G).

E (2) In relation to the second charge, the discovery of the entrapment money in the accused's office which was under his personal control and management established that the accused possessed knowledge or awareness about the money. This proved that gratification had been paid or given to or accepted by the accused. The presumption under s 14 of the Act was raised (see p 513D– F G); *Ramly bin Md Yasin & Ors v PP* [1982] CLJ 200; *Attan bin Abdul Gani v PP* [1970] 2 MLJ 143 and *Sidik bin Mat Tan & Satu lagi lwn Pendakwa Raya* [1994] 4 CLJ 507 followed.

(3) Since SP2 had gone to see the Anti-Corruption Agency officer before the accused requested corruption money from him, his G evidence did not require corroboration. This was because SP2 could not be considered an accomplice. He was more of an 'agent' for the prosecution. However, there was clear corroborated evidence of SP2's evidence. In this context, the learned sessions court judge had erred in law. Hence, the order of acquittal and discharge could not be supported (see pp 513H–I and 514A–E); H *Sathasivam & Ors v PP* [1949] MLJ 71 followed.

(4) The presumption against the prosecution under s 114(g) of the Evidence Act 1950 could not be raised or applied because the witness concerned, Petchimuthu, had been offered to the defence at the close of the prosecution's case (see p 514G–H); *Samsudin* I *v PP* [1962] MLJ 405 and *PP v Chee Kon Fatt* [1991] 3 CLJ 2564 followed.

(5) All the necessary ingredients for both charges had been proved to the standard of beyond reasonable doubt. Thus, a case had been

made out by the prosecutor based on s 180 of the Criminal Procedure Code (FMS Cap 6) and it was necessary to call the defence on both charges (see p 515E–G).] A

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai Akta Pencegahan Rasuah, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 1850–1945. B

Bagi kes-kes mengenai anggapan, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan 1281–1359.

Bagi kes-kes mengenai keterangan pesubahat, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan 527–545.

C

Kes-kes yang dirujuk

Attan bin Abdul Gani v PP [1970] 2 MLJ 143 (diikut)
Datuk Hj Harun bin Hj Idris v PP [1977] 2 MLJ 155 (dirujuk)
PP v Chee Kon Fatt [1991] 3 CLJ 2564 (diikut)
PP v Datuk Hj Harun bin Hj Idris (No 2) [1977] 1 MLJ 15 (dirujuk) D
PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324 (dirujuk)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89 (dirujuk)
Ramly bin Md Yasin & Ors v PP [1982] CLJ 200 (diikut)
Samsudin v PP [1962] MLJ 405 (diikut)
Sathasivam & Ors v PP [1949] MLJ 71 (diikut)
Sidik bin Mat Tan & Satu lagi lwn Pendakwa Raya [1994] 4 CLJ 507 (diikut) E

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Pencegahan Rasuah 1961 ss 3(a)(ii), 4(a), 14 F
Kanun Acara Jenayah (NMB Bab 6) s 180

Saiful Edris bin Zainuddin (Timbalan Pendakwa Raya, Badan Pencegah Rasuah) bagi pihak perayu.

J Fernandez dan *Christopher Fernando* (*Jeffrey Fernandez & Co*) bagi pihak penentang. G

Low Hop Bing H:

Rayuan pendakwa raya

Rayuan ini telah dikemukakan oleh pendakwa raya terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana di mana beliau telah melepaskan dan membebaskan penentang tanpa dipanggil membela diri atas tuduhan-tuduhan di bawah ss 3(a)(ii) dan 4(a) Akta Pencegahan Rasuah 1961 ('Akta tersebut'). H

I

Alasan-alasan rayuan

Alasan-alasan rayuan adalah seperti berikut:

(i) hakim mahkamah sesyen telah tersilap dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa pendakwa gagal membuktikan kesnya tanpa keraguan munasabah;

(ii) hakim mahkamah sesyen telah tersilap dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa keterangan SP2 perlu sokongan sedangkan terdahulu dari itu beliau telah memutuskan bahawa SP2 bukanlah 'pesubahat'. Malah kalau SP2 adalah pesubahat sekali pun, keterangannya telah disokong oleh SP3;

(iii) hakim mahkamah sesyen telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa kegagalan memanggil seorang saksi, Petchimuthu, menyebabkan s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai; dan

(iv) hakim mahkamah sesyen juga tersilap dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa saksi-saksi pendakwaan seperti SP2, SP3 dan SP4 mempunyai motif untuk memerangkap penentang, sedangkan keterangan yang ada menunjukkan sebaliknya.

Tuduhan-tuduhan

Penentang menghadapi tuduhan-tuduhan seperti berikut:

Tuduhan pertama:

Bahawa kamu pada 12 Februari 1993, jam lebih kurang 12.15 tengahari di pejabat kamu, di Ibu Pejabat Polis Kontinjen ('IPK') Selangor, di daerah Petaling, Negeri Selangor Darul Ehsan, sebagai ejen Kerajaan Malaysia iaitu Pemangku Timbalan Penguasa Polis DiRaja Malaysia, selaku Ketua Cawangan Pencegahan Kongsi Gelap IPK Selangor, dengan secara rasuah memujukrayu untuk diri kamu daripada seorang bernama Wong Kam Hoi satu suapan iaitu wang sebanyak RM60,000 sebagai dorongan bagi kamu untuk tidak melakukan sesuatu perkara yang kena-mengena dengan badan awam itu, iaitu supaya tidak mengambil tindakan mahkamah ke atas anak Wong Kam Hoi yang bernama Wong Kum Wah, yang dikatakan terlibat dalam kes-kes rompakan bersenjata dan pembunuhan dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 3(a)(ii) Akta Pencegahan Rasuah 1961.

Tuduhan kedua:

Bahawa kamu pada 25 Februari 1993, jam lebih kurang 10 pagi di pejabat kamu di Ibu Pejabat Polis Kontinjen ('IPK') Selangor, di daerah Petaling, Negeri Selangor Darul Ehsan, sebagai ejen Kerajaan Malaysia iaitu Pemangku Timbalan Penguasa Polis DiRaja Malaysia, selaku Ketua Cawangan Pencegahan Kongsi Gelap IPK Selangor, dengan secara rasuah menerima untuk diri kamu daripada seorang bernama Wong Kam Hoi satu suapan iaitu wang tunai sebanyak RM10,000 sebagai dorongan bagi melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu supaya tidak mengambil tindakan mahkamah ke atas anak Wong Kam Hoi yang bernama Wong Kum Wah, yang dikatakan terlibat dalam kes-kes rompakan bersenjatapi dan pembunuhan dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 4(a) Akta Pencegahan Rasuah 1961.

Intipati-intipati tuduhan-tuduhan A

Untuk mewujudkan satu kes di bawah s 3(a)(ii) Akta tersebut dalam tuduhan pertama, pihak pendakwa perlu membuktikan:

(i) tertuduh adalah seorang ejen Kerajaan Malaysia;

(ii) tertuduh memujukrayu untuk dirinya satu suapan RM60,000 pada tarikh 12 Februari 1993; B

(iii) keadaan dalam mana suapan itu dipujukrayu menimbulkan anggapan bahawa suapan itu dipujukrayu secara rasuah;

(iv) tertuduh telah memujukrayu sebagai dorongan supaya tidak mengambil tindakan mahkamah terhadap Wong Kum Wah iaitu anak pengadu Wong Kam Hoi. C

(Lihat *PP v Datuk Hj Harun bin Hj Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15 di ms 20C–E).

Tuduhan kedua D

Untuk mewujudkan satu kes di bawah s 4(a) Akta tersebut dalam tuduhan kedua, pihak pendakwa perlu membuktikan terlebih dahulu dua intipati asas iaitu:

(i) satu suapan iaitu RM10,000 telah dibayar atau diberi kepada atau diterima oleh tertuduh; dan E

(ii) pada masa penerimaan suapan itu, tertuduh adalah anggota badan awam.

Apabila intipati-intipati di atas telah dibuktikan, anggapan di bawah s 14 diwujudkan iaitu suapan itu telah dibayar atau diberi kepada atau diterima secara rasuah untuk melakukan sesuatu berhubung dengan hal ehwal prinsipalnya, kecuali dibuktikan sebaliknya oleh tertuduh (lihat *PP v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 di ms 91A–C dan *Attan bin Abdul Gani v PP* [1970] 2 MLJ 143 di ms 145I, A). F

Intipati tuduhan pertama G

(i) Tertuduh adalah seorang ejen Kerajaan Malaysia

Intipati ini tidak dipertikaikan oleh pembelaan. Keterangan SP1, Insp Mohd Yusof bin Harun sebagai Pegawai Rekod Perkhidmatan dan Perjawatan, Polis DiRaja Malaysia mengesahkan bahawa tertuduh adalah seorang timbalan penguasa polis D7, Jabatan Siasatan Jenayah dengan khidmat No 65154 seperti tercatit dalam rekod perkhidmatan eks P2. Dengan hal yang demikian, tertuduh adalah seorang ejen Kerajaan Malaysia. H

(ii) Tertuduh memujukrayu untuk dirinya satu suapan RM60,000 pada tarikh 12 Februari 1993 I

Dari keterangan yang dikemukakan oleh pendakwa melalui SP2, SP3 dan SP4, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah mendapati

sebagai fakta bahawa pada 1 Februari 1993, SP2 (pengadu Wong Kam Hoi) bersama dengan seorang lelaki bernama Lim Yew Kuang @ Lim Kong Fah (SP4) dan Wong Sue Foon (SP3) — iaitu isteri kepada Wong Kum Wah dan anak menantu kepada SP2 — dan juga seorang saudara, Cik Chuah telah pergi ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor di Shah Alam ('IPK') untuk berjumpa dengan tertuduh. Perjumpaan dengan tertuduh telah dilakukan di dalam pejabat tertuduh di IPK, di mana tertuduh bertanyakan SP2 mengenai anaknya (Wong Kum Wah) yang dikatakan terlibat dalam 30 kes, termasuk kes bunuh, samun kedai dan kedai ekor. SP2 meminta pertolongan dari tertuduh dan tertuduh menjawab beliau boleh menolong, tetapi tidak tahu bagaimana. Tertuduh juga meminta nombor telefon SP2.

Pada 10 Februari 1993, SP4 telah menelefon SP2 dan memberitahu tertuduh ingin berjumpa dengannya pada keesokan harinya.

Pada 11 Februari 1993, SP2 telah bertolak dari Gemas dan pergi terus ke rumah SP4. Beliau menunggu panggilan dari tertuduh tetapi tidak ada berita. Pada hari yang sama, SP2 bermalam di rumah SP4.

Pada 12 Februari 1993, SP2 bersama-sama dengan SP3 dan SP4 telah pergi ke IPK untuk berjumpa dengan tertuduh. SP4 masuk ke pejabat tertuduh, dan SP2 dan SP3 menunggu di luar pejabat tersebut. Selepas itu, SP4 keluar dari pejabat tertuduh dan SP2 serta SP3 masuk ke pejabat tersebut. Dalam pejabat tertuduh, tertuduh telah bercakap kepada SP2 mengenai pertolongan yang tertuduh boleh beri kepada SP2. SP2 kata beliau tidak tahu apakah pertolongan itu. Selepas itu, tertuduh mengatakan dia hendak wang sebanyak RM60,000. Dia kata RM60,000 adalah maksud untuk menyelesaikan kes anak SP2, supaya anak SP2 tidak akan dituduh di mahkamah. SP2 menjawab bahawa dia adalah seorang pemandu lori dan pendapatannya RM1,300 sebulan dan kadangkala RM700–RM800 sebulan dan oleh itu, SP2 tidak berdaya untuk mendapat wang RM60,000 itu. Tertuduh pula berkata 'buka mulut berapa banyak yang kamu mampu'. SP2 menjawab kalau banyak dia tidak berdaya, tetapi setakat RM20,000, dia boleh cuba cari. Tertuduh pula menjawab RM20,000 adalah terlalu sedikit sebab wang itu bukan untuk tertuduh seorang sahaja tetapi untuk kawan-kawannya. Oleh itu, tertuduh perlu mempertimbangkan dahulu dan akan berhubung dengan SP4. Dari fakta ini yang didapati oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana (di ms 90–99, rekod rayuan), adalah jelas bahawa tertuduh telah memujukrayu satu suapan iaitu RM60,000 daripada SP2 pada 12 Februari 1993, dan keterangan ini telah disokong oleh SP3 dan SP4.

(iii) Keadaan dalam mana suapan itu dipujukrayu menimbulkan anggapan bahawa suapan itu dipujukrayu secara rasuah

SP2 dalam keterangannya mengatakan bahawa pada bulan Januari 1993, beliau telah diberitahu oleh SP3 bahawa Wong Kum Wah,

anaknya (iaitu suami SP3) telah ditangkap oleh polis atas syak bahawa Wong Kum Wah adalah terlibat dalam kes-kes rompakan dan bunuh walaupun tiada keterangan untuk membuktikan Wong Kum Wah adalah terlibat. Tertuduh adalah pegawai penyelarasan siasatan ke atas kes Wong Kum Wah. Ini adalah fakta yang didapati oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana. Sebagai pegawai penyelarasan, tertuduh mengetahui sama ada Wong Kum Wah akan dituduh di mahkamah atau sebaliknya berdasarkan hasil siasatan dan wujudnya keterangan atau sebaliknya terhadap Wong Kum Wah. Keadaan begini telah menyebabkan dan membolehkan tertuduh mengambil kesempatan untuk meminta wang rasuah daripada SP2. Tertuduh telah meminta SP4 untuk berhubung dengan SP2 mengenai hal perkara berkaitan dengan penangkapan Wong Kum Wah. Sesungguhnya kemudian, SP4 telah berhubung dengan SP2 dan SP3 dan membawa mereka ke IPK untuk berjumpa dengan tertuduh.

Soalan yang perlu dikemukakan sekarang ialah kenapa tertuduh hendak berjumpa dengan SP2 dan SP3. Dalam perjumpaan pada 1 Februari 1993, SP2 dan SP3 tidak pernah disoalsiasat mengenai Wong Kum Wah tetapi perbualan mereka adalah mengenai pertolongan yang tertuduh boleh beri kepada SP2. Fakta ini sememangnya telah membuka jalan kepada tertuduh untuk meminta wang rasuah pada 12 Februari 1993. Apabila SP2, SP3 dan SP4 sampai ke pejabat tertuduh pada 12 Februari 1993, tertuduh tidak membuat apa-apa siasatan ke atas SP2 dan SP3 mengenai Wong Kum Wah, iaitu anak SP2, tetapi perbualan adalah diutarakan kepada perbuatannya meminta dan memujukrayu RM60,000 dari SP2. Fakta ini pasti menimbulkan anggapan bahawa suapan yang dipujukrayu telah dipujukrayu secara rasuah.

(iv) Tertuduh telah memujukrayu sebagai dorongan supaya tidak mengambil tindakan mahkamah terhadap Wong Kum Wah

Tertuduh telah dibuktikan tidak mencadangkan supaya Wong Kum Wah dituduh di mahkamah. Sebenarnya, tiada tindakan mahkamah telah diambil terhadap Wong Kum Wah. Tertuduh sememangnya telah memujukrayu suapan tersebut iaitu RM60,000 sebagai dorongan supaya tidak mengambil tindakan mahkamah terhadap Wong Kum Wah.

Dengan hal yang demikian, kesemua intipati yang perlu di bawah tuduhan pertama ini telah dibuktikan dengan tahap melampaui keraguan munasabah. Justeru itu, satu kes telah dikemukakan oleh pendakwa seperti dalam tuduhan pertama berdasarkan kepada s 180 Kanun Acara Jenayah (NMB Bab 6) dan pembelaan perlu dipanggil.

Intipati tuduhan kedua

(i) Satu suapan iaitu RM10,000 telah dibayar atau diberi kepada atau diterima oleh tertuduh

SP2 menyatakan beliau telah menyerahkan wang perangkap P5 kepada tertuduh di pejabat tertuduh pada 25 Februari 1993 dan wang P5 telah ditemui di bawah pinwriter dalam bilik tertuduh. Tertuduh mengetahui wang suapan RM10,000 itu di bawah pinwriter dalam biliknya dan beliau telah menunjukkan dengan tepat di mana wang itu berada apabila diminta oleh pegawai Badan Pencegah Rasuah ('BPR') iaitu SP6 dan SP7. Apabila ditangkap, tertuduh telah menunjukkan kepada pinwriter di mana wang perangkap kemudiannya dijumpai. Kata-kata tertuduh, 'in fact I want to lodge a report lelaki Cina meletakkan sesuatu di bawah pinwriter' merupakan satu percubaan tertuduh untuk mengasingkan dirinya dari wang perangkap P5 dan mengelakkan dirinya daripada bertanggungjawab ke atas penemuan wang perangkap P5 dalam pejabatnya di IPK.

Tertuduh adalah seorang pegawai kanan polis dan pada masa itu berada di dalam pejabatnya sendiri. Sudah tentu bahawa keadaan di dalam pejabatnya adalah dalam kawalan dan kelolaan tertuduh sendiri. Justeru itu, penemuan wang perangkap P5 di bawah pinwriter seperti yang ditunjukkan oleh tertuduh membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan atau kesedaran adanya wang itu di bawah pinwriter. Fakta ini dengan jelas telah membuktikan bahawa satu suapan iaitu RM10,000 telah dibayar atau diberi kepada atau diterima oleh tertuduh. Intipati ini telah dibuktikan oleh pendakwa.

(ii) Anggota badan awam

Dengan terbuktinya tertuduh adalah seorang ejen kerajaan dan juga intipati (i) di atas, maka anggapan di bawah s 14 Akta Pencegahan Rasuah 1961 telah ditimbulkan dan tertuduh wajar diarah untuk membela diri.

Dalam kes *Ramly bin Md Yasin & Ors v PP* [1982] CLJ 200, penemuan wang perangkap pada perayu membuktikan perayu telah menerima wang itu dan anggapan di bawah s 14 Akta tersebut ditimbulkan (lihat juga *Attan bin Abdul Gani v PP* [1970] 2 MLJ 143 di ms 145 dan *Sidik bin Mat Tan & Satu lagi lwn Pendakwa Raya* [1994] 4 CLJ 507).

Pesubahat (Accomplice)

Mengenai SP2 dan SP3, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah memutuskan, setelah mengambil kira hal keadaan dan fakta dalam kes ini, bahawa mereka tidak boleh dianggap sebagai pesubahat. Saya sependapat dengan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana dalam perkara ini. SP2 lebih merupakan 'ejen' bagi pihak pendakwa seperti di dalam kes *Sathasivam & Ors v PP* [1949] MLJ 71, di mana Storr H memutuskan bahawa seseorang saksi yang menjadikan dirinya sebagai seorang ejen sebelum kelakuan kesalahan itu bukanlah seorang pesubahat.

Di dalam rayuan ini, SP2 telah pada 1 Februari 1993 pergi berjumpa dengan pegawai BPR sebelum tertuduh meminta wang rasuah darinya pada 12 Februari 1993. Oleh kerana ini, keterangannya tidak memerlukan

sokongan (corroboration). Walaupun begitu, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mengatakan bahawa keterangannya mesti disokong oleh keterangan lain. Ini adalah bertentangan dengan prinsip undang-undang yang dihuraikan oleh Storr H dalam kes *Sathasivam.*

Walau bagaimanapun, dari rekod rayuan, terdapat keterangan-keterangan sokongan yang jelas ke atas keterangan SP2. Keterangan-keterangan sokongan adalah seperti berikut:

(a) keterangan SP3 semasa tertuduh memujukrayu wang rasuah pada 12 Februari 1993;

(b) penemuan wang perangkap dalam bilik tertuduh;

(c) keterangan SP4 yang diminta oleh tertuduh supaya SP2 berjumpa dengan beliau; dan

(d) kegagalan tertuduh menangkap SP2 apabila SP2 menyerahkan wang kepadanya atau meninggalkan wang dalam bilik tertuduh.

(Lihat *Datuk Hj Harun bin Hj Idris v PP* [1977] 2 MLJ 155 di ms 178 dan juga *PP v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324).

Dalam konteks ini, saya berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah tersilap mengenai undang-undang di atas. Justeru itu, perintah pelepasan dan pembebasan tidak boleh disokong.

Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950

Dalam penghakiman hakim mahkamah sesyen yang bijaksana, beliau memutuskan seperti berikut:

> Akhir sekali, kegagalan untuk memanggil Petchimuthu. Saya juga bersetuju dengan pihak pembela bahawa saksi ini patut dipanggil untuk memberi keterangan memandangkan dia berada di dalam bilik OKT semasa SP6 dan SP7 masuk. Dengan memanggilnya, mahkamah berpendapat akan memberi gambaran yang lebih jelas apa yang berlaku semasa SP6 dan SP7 masuk. Oleh itu, saya berpendapat s 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh dipakai di dalam keadaan kes ini.

Rekod rayuan di ms 85 telah jelas mengatakan bahawa Petchimuthu telah ditawarkan kepada pembelaan pada penutup kes pendakwaan. Undang-undang di bawah s 114(g) adalah ketara. Anggapan terhadap pendakwaan di bawah s 114(g) tidak boleh timbul atau dipakai sekiranya seseorang saksi itu ditawarkan kepada pembelaan — seperti yang telah dilakukan oleh pendakwaan dalam kes ini, di mana Petchimuthu telah ditawarkan kepada pembelaan pada penutup kes pendakwaan. Pihak pendakwaan tidak cuba menyembunyikan saksi ini. Tawaran saksi ini kepada pembelaan adalah dibuat dengan kehadiran tertuduh di mahkamah terbuka. Oleh yang demikian, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah tersilap apabila beliau memutuskan bahawa s 114(g) boleh dipakai dalam hal keadaan yang sedemikian.

Good JA dalam kes *Samsudin v PP* [1962] MLJ 405 di ms 407 (MR) memutuskan (dalam bahasa asal):

A It was a somewhat unusual feature of this case that Letchimi and Kalanjiam, who on either version of the incident would appear to have been material witnesses, were not called by the prosecution. They were present and their presence was announced by the deputy public prosecutor at the close of the prosecution so that the defence could have called them if they wished. The defence, of course, would have much preferred them to be offered for cross-
B examination but in our opinion the prosecution were under no duty to take this course and it was sufficient that they made known to the defence the availability of these witnesses if they required them. This seems to us to be well settled law. We do not think it is necessary to resort to extensive quotation from the many authorities which were discussed by this court in the case of *Khoo Chye Hin v PP* [1961] 1 MLJ 105. It is clear from these
C authorities that the prosecutor has a discretion and also that if he does not call material witnesses who are available he runs the risk of having the presumption in illustration (g) to s 114 of the Evidence Ordinance raised against him. In the present case, there was no attempt at concealment, no suggestion, as was said by Lord Thankerton in the case of *Adel Muhammed El Dabbah v A-G for Palestine* [1944] AC 156, 'that the prosecutor has been
D influenced by some oblique motive'. The witnesses were freely offered to the defence and in our opinion the presumption did not arise.

Lihat juga *PP v Chee Kon Fatt* [1991] 3 CLJ 2564 (MT).

Kesimpulan

E Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, saya berpendapat bahawa fakta-fakta kes yang didapati oleh hakim mahkamah sesyen pada penutup kes pendakwaan telah memenuhi segala intipati seperti yang dikehendaki oleh kedua-dua tuduhan terhadap tertuduh. Oleh yang demikian, fakta-fakta tersebut merupakan satu kes yang telah dibuktikan berdasarkan kepada
F s 180 Kanun Acara Jenayah (NMB Bab 6) dan dengan tahap melampaui keraguan munasabah. Dengan hal keadaan ini, saya memutuskan bahawa keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana itu tidak boleh disokong oleh undang-undang. Sesungguhnya pembelaan harus dipanggil atas kedua-dua tuduhan. Justeru itu, saya ketepikan perintah pelepasan dan pembebasan dan mengarahkan hakim mahkamah sesyen memanggil
G pembelaan tertuduh atas kedua-dua tuduhan. Tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM25,000 dengan satu penjamin dan kes ini akan disebut di hadapan hakim mahkamah sesyen yang sama di Shah Alam untuk perbicaraan sambungan.

H *Perintah diketepikan.*

Dilaporkan oleh Tey Tsun Hang

I